A **YAP HON KEN lwn. LEMBAGA KELAYAKAN PROFESYEN UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
MARIANA YAHYA H
[SEMAKAN KEHAKIMAN NO: WA-25-423-12-2018]
B 31 JULAI 2019

PROSEDUR SIVIL: *Semakan kehakiman – Permohonan – Permohonan perintah certiorari membatalkan keputusan responden menahan pemohon menduduki Peperiksaan Sijil Amalan Guaman selama tiga tahun – Pemohon didakwa*
C *membawa masuk buku statut yang mempunyai catatan dan nota ke dalam dewan peperiksaan – Sama ada terdapat unsur-unsur meniru atau menipu oleh pemohon – Sama ada surat tunjuk sebab responden kepada pemohon menyatakan kesalahan yang dilakukan oleh pemohon bawah peraturan 14(i) hingga (v) Kaedah Peperiksaan CLP – Sama ada hukuman yang dikenakan atas pemohon keterlaluan,*
D *menindas dan terlalu keras – Sama ada responden membuat keputusan luar bidang kuasa yang diperuntukkan*

PROSEDUR SIVIL: *Semakan kehakiman – Permohonan – Permohonan perintah mandamus mengarahkan responden melepaskan keputusan peperiksaan pemohon yang didudukinya – Pemohon didakwa membawa masuk buku statut yang*
E *mempunyai catatan dan nota ke dalam dewan peperiksaan – Sama ada terdapat unsur-unsur meniru atau menipu oleh pemohon – Sama ada surat tunjuk sebab responden kepada pemohon menyatakan kesalahan yang dilakukan oleh pemohon bawah peraturan 14(i) hingga (v) Kaedah Peperiksaan CLP – Sama ada hukuman yang dikenakan atas pemohon keterlaluan, menindas dan terlalu keras – Sama ada*
F *responden membuat keputusan luar bidang kuasa yang diperuntukkan*

Pemohon adalah seorang graduan lulusan Sarjana Undang-Undang dan responden adalah badan statutori yang dipertanggungjawabkan untuk mengadili kelayakan yang diperlukan untuk seseorang itu menjadi 'orang berkelayakan' untuk tujuan bawah Akta Profesion Guaman 1976 ('APG').
G Responden mengendalikan peperiksaan 'Certificate in Legal Practice' ('CLP'). Pemohon wajib lulus peperiksaan CLP sebelum disahkan menjadi 'orang kelayakan' bawah APG. Pada 14 April 2018, pemohon telah mendaftarkan diri untuk menduduki peperiksaan CLP pada bulan Julai 2018 dan dibekalkan dengan Peraturan Dan Arahan Peperiksaan Kepada Calon-
H Calon Peperiksaan Sijil Amalan Guaman 2018 ('PAP 2018'). Bawah PAP 2018 CLP, calon-calon dibenarkan membawa buku statut tertentu dalam dewan peperiksaan dan buku-buku statut tersebut tidak boleh mengandungi sebarang catatan atau nota. Pemohon telah membawa masuk buku statut 'Criminal Procedure Code' ('CPC') untuk peperiksaan kertas Prosedur
I Jenayah. Terdapat tanda-tanda pensil dalam sesetengah muka surat dalam buku statut CPC akibat pemadaman nota-nota oleh pemohon. Tanda-tanda

pensil itu, walau bagaimanapun, tidak boleh dibaca langsung. Pengawas Peperiksaan telah memeriksa buku CPC pemohon dan telah membawa buku CPC tersebut kepada Ketua Pengawas Peperiksaan. Selepas satu perbincangan ringkas, Ketua Pengawas Peperiksaan memaklumkan pemohon bahawa pada pendapatnya, terdapat tanda-tanda dalam buku CPC yang boleh dibaca dan buku CPC telah dirampas. Pemohon mengambil keputusan meneruskan peperiksaan kertas Prosedur Jenayah tanpa buku statut CPC tersebut dan dibenarkan menduduki peperiksaan tersebut. Pada 10 Oktober 2018, pemohon telah menerima surat tunjuk sebab daripada responden yang menyatakan, antara lain, bahawa (i) responden berpendapat tindakan lanjut perlu diambil terhadap pemohon kerana membawa buku CPC yang mengandungi tanda-tanda yang boleh dibaca; (ii) responden merujuk peraturan 17(vi) Kaedah Peperiksaan CLP yang melarang penggunaan statut dengan catatan dan nota; dan (iii) responden juga merujuk kepada peraturan 14 Kaedah Peperiksaan CLP yang menyatakan responden boleh mengambil apa-apa tindakan, termasuk melarang calon menduduki peperiksaan CLP sekiranya calon didapati meniru, menipu, menerima apa-apa material yang dilarang daripada orang lain dalam dewan peperiksaan, berhubung dengan atau menolong pelajar/calon lain atau mengganggu pelajar/calon lain. Pada 15 Oktober 2018, pemohon telah menjawab surat tunjuk sebab yang dikeluarkan oleh responden. Pemohon menyatakan tanda-tanda pada CPC tersebut tidak boleh dibaca dan buku statut CPC tersebut juga telah dirampas sebelum peperiksaan bermula. Oleh itu, persoalan sama ada pemohon meniru atau menipu tidak timbul. Melalui surat bertarikh 5 Disember 2018, responden memaklumkan pemohon tentang keputusan Lembaga Kelayakan Mengenai Laporan Insiden Peperiksaan Utama Sijil Amalan Guaman 2018 ('PSAG') iaitu bahawa (i) pemohon ditahan menduduki Peperiksaan Sijil Amalan Guaman selama tiga tahun kerana kesalahan pemohon membawa masuk bahan yang tidak dibenarkan ke dalam dewan peperiksaan semasa peperiksaan Prosedur Jenayah sedang berjalan; (ii) keputusan peperiksaan pemohon adalah ditahan; (iii) pemohon hanya dibenarkan menduduki PSAG setelah tiga tahun dengan menduduki semula kesemua lima mata pelajaran; (iv) pemohon hanya boleh menduduki peperiksaan semula mulai tahun 2022; dan (v) keputusan responden muktamad. Pemohon menyatakan keputusan responden tersebut telah mengakibatkan kesan buruk pada masa hadapan pemohon untuk memulakan pengamalan sebelum menjadi peguam bela dan peguam cara. Pemohon juga menyatakan dia diperlakukan secara tidak adil dan secara sembarangan oleh responden. Pemohon tidak berpuas hati dengan keputusan responden tersebut dan memfailkan permohonan semakan kehakiman ini. Pemohon memohon relief-relief berikut (i) suatu perintah *certiorari* untuk membatalkan keputusan responden; dan (ii) satu perintah *mandamus* mengarahkan responden melepaskan keputusan peperiksaan pemohon yang didudukinya.

Diputuskan (membenarkan permohonan semakan kehakiman):

(1) Statut CPC telah dirampas oleh Pengawas Peperiksaan dan pemohon telah menjawab soalan peperiksaan tanpa merujuk mana-mana statut berkaitan. Maka unsur-unsur meniru atau menipu tidak wujud sama sekali. Jika sekalipun perbuatan pemohon disifatkan sebagai cubaan meniru, sekali lagi ini tidak diperuntukkan atau dizahirkan dalam mana-mana peraturan 14(i) hingga (v) PAP 2018 tersebut. Responden terikat dengan peraturan dan arahan yang disediakan oleh responden sendiri. Surat tunjuk sebab responden kepada pemohon juga tidak menyatakan bahawa asas surat dan keputusan adalah tentang kesalahan 'percubaan yang nyata untuk meniru.' Kuasa responden yang dinyatakan di bawah peraturan 14 adalah spesifik dan hanya tertakluk pada mana-mana kesalahan yang ditetapkan bawah peraturan 14 tersebut sahaja. Peraturan 14 tidak menyebut bahawa ini terpakai pada mana-mana kesalahan atau pelanggaran bawah peraturan yang ditetapkan. Peraturan 14 tidak terpakai untuk peraturan 17(vi) kecuali jika dinyatakan sebaliknya. (perenggan 29 & 30)

(2) Surat tunjuk sebab responden kepada pemohon juga tidak menyatakan bahawa tindakan pemohon membawa statut yang mempunyai catatan atau nota terjumlah sebagai mana-mana satu kesalahan bawah peraturan 14 (i) hingga (v). Responden dalam surat tunjuk sebab dengan secara umum menyatakan peraturan 17(vi) dan peraturan 14 tanpa menyatakan apakah kesalahan pemohon bawah peraturan 14 yang membolehkan responden menjalankan kuasanya seperti yang diperuntukkan. Tindakan responden yang tidak menyatakan apakah kesalahan pemohon bawah peraturan 14(i) hingga (v) telah menyebabkan ketidakadilan dan prejudis kepada pemohon untuk membela kesnya dengan baik. Surat keputusan responden juga tidak menyatakan apakah kesalahan yang dilakukan oleh pemohon menurut peraturan 14 sehingga menyebabkan pemohon dihukum sedemikian rupa. (perenggan 31 & 32)

(3) Kesalahan yang dinyatakan dalam surat tunjuk sebab hanyalah membawa masuk statut yang ada catatan nota pensil yang dikatakan masih boleh dibaca dan tiada kesalahan lain dinyatakan. Tindakan mengenainya telah pun diambil menurut PAP 2018. Responden telah mengenakan hukuman yang tiada kaitan dengan perbuatan atau kesalahan yang diperuntukkan dalam PAP 2018. Hukuman selanjutnya adalah keterlaluan dan bertentangan dengan peraturan yang ditetapkan oleh responden sendiri. Pemohon juga telah dinafikan haknya untuk merayu terhadap apa-apa kesalahan jika dibuktikan sebelum responden membuat keputusannya. Responden membuat keputusan dengan merujuk surat tunjuk sebab daripada pemohon dan laporan pengawas peperiksaan. (perenggan 33 & 36)

(4) Responden wajar menyatakan sebab-sebab keputusan dan hukuman dikenakan di bawah PAP 2018. Responden tidak menyatakan sebab-sebab atau alasan-alasan bagi responden mencapai keputusannya. Keputusan responden bukan sahaja menjejaskan kehidupan masa hadapan pemohon tetapi juga bertentangan dengan per. 5 Perlembagaan Persekutuan yang memberi jaminan kebebasan asasi bahawa tiada seseorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang. Responden juga gagal mengambil kira doktrin perkadaran hukuman yang diputuskan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Norizan Bakar v. Panzana Enterprise Sdn Bhd* yang memutuskan hukuman bercorak penindasan dan terlalu keras tidak dibenarkan. Kesalahan yang dipertuduhkan tidak sepadan dengan fakta dan hukuman yang dikenakan. (perenggan 37 & 38)

(5) Responden telah membuat keputusan luar daripada bidang kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang sehingga membuat keputusan yang tidak rasional, tidak munasabah, tidak seimbang, keterlaluan dan tidak adil pada pemohon. Mahkamah ini wajar membatalkan keputusan yang dibuat oleh responden dan memerintahkan responden melepaskan keputusan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman 2018 kepada pemohon. (perenggan 40)

Kes-kes yang dirujuk:

Ketua Pengarah Buruh v. Britania Brands (Malaysia) Sdn Bhd [2010] 6 CLJ 370 CA ***(dirujuk)***

Menteri Dalam Negeri & Ors v. Titular Roman Catholic Archbishop of Kuala Lumpur [2013] 8 CLJ 890 CA ***(dirujuk)***

Norizan Bakar v. Panzana Enterprise Sdn Bhd [2013] 9 CLJ 409 FC ***(dirujuk)***

R Rama Chandran v. Industrial Court of Malaysia & Anor [1997] 1 CLJ 147 FC ***(dirujuk)***

Ranjit Kaur S Gopal Singh v. Hotel Excelsior (M) Sdn Bhd [2010] 8 CLJ 629 FC ***(dirujuk)***

Tan Tek Seng v. Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan & Anor [1996] 2 CLJ 771 CA ***(dirujuk)***

Yusof Sudin v. Suruhanjaya Perkhidmatan Polis & Anor [2012] 1 CLJ 448 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Federal Constitution, art. 5

Legal Profession Act 1976, ss. 4, 5(e), 6

Bagi pihak pemohon - Sundra Anath & Rosliza Abdul Rahim; T/n Chew & Yap
Bagi pihak responden - Sean Tan & Chia Ka Mun; T/n Wong Kian Kheong

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

A

PENGHAKIMAN

Mariana Yahya H:

Latar Belakang Kes

B **[1]** Pemohon adalah seorang graduan lulusan Sarjana Undang-Undang Kepujian Kelas Kedua Atasan dari University of the West of England Bristol pada 19 Jun 2015.

C **[2]** Responden merupakan sebuah badan statutori yang ditubuhkan menurut s. 4, Legal Profession Act 1976 ("LPA"). Responden dipertanggungjawabkan untuk mengadili kelayakan yang diperlukan untuk seseorang itu untuk menjadi "orang berkelayakan" untuk tujuan di bawah LPA. Untuk itu, responden diberi kuasa di bawah s. 5(e) LPA iaitu:

> to provide courses of instruction for, and for the examination of, persons whose qualifications are not sufficient to make them qualified persons for the purposes of this Act except after undergoing the courses and passing the examination.

D Bagi maksud s. 5(e) LPA tersebut, responden mengendalikan peperiksaan 'certificate in legal practice' ("CLP").

E **[3]** Pemohon wajib lulus peperiksaan CLP sebelum disahkan menjadi "orang berkelayakan" di bawah LPA. Pemohon telah menduduki peperiksaan CLP pada bulan Ogos 2016 dan Ogos 2017 dan gagal dalam kedua-dua peperiksaan tersebut.

F **[4]** Pada 14 April 2018 pemohon telah mendaftarkan diri untuk menduduki peperiksaan CLP pada bulan Julai 2018. Responden melalui e-mel bertarikh 7 Jun 2018 telah mengesahkan pendaftaran CLP pemohon untuk bulan Julai 2018.

G **[5]** Melalui e-mel-e-mel responden, pemohon telah dibekalkan dengan "Peraturan Dan Arahan Peperiksaan Kepada Calon-calon Peperiksaan Sijil Amalan Guaman 2018" ("PAP 2018"). Terdapat lima kertas di bawah peperiksaan CLP iaitu, "General Paper, Civil Procedure, Criminal Procedure, Evidence dan Professional Practice" ("kertas-kertas tersebut") yang perlu diduduki oleh pemohon.

H **[6]** Di bawah PAP 2018 CLP, calon-calon dibenarkan untuk membawa buku statut tertentu ke dalam dewan peperiksaan untuk keempat-empat kertas tersebut. Buku-buku statut tersebut tidak boleh mengandungi sebarang catatan atau nota. Pada 23 Julai 2018, pemohon telah membawa masuk buku statut "Criminal Procedure Code" ("CPC") untuk peperiksaan kertas Prosedur Jenayah. Terdapat tanda-tanda pensil dalam sesetengah muka dalam buku statut CPC akibat pemadaman nota-nota oleh pemohon. Tanda-tanda pensil itu walau bagaimanapun tidak boleh dibaca langsung.

I

[7] Pada 23 Julai 2018, pemohon telah memasuki dewan peperiksaan dan pada jam 9 pagi, kertas peperiksaan telah diberikan kepada calon-calon peperiksaan untuk dibaca menurut perenggan 12 PAP. Peperiksaan akan bermula pada jam 9.15 pagi.

[8] Dalam tempoh 15 minit membaca, pengawas peperiksaan telah memeriksa buku CPC pemohon dan telah membawa buku CPC tersebut kepada ketua pengawas peperiksaan. Setelah perbincangan ringkas, ketua pengawas peperiksaan telah memaklumkan pemohon bahawa pada pendapat beliau, terdapat tanda-tanda dalam buku CPC yang boleh dibaca dan buku CPC telah dirampas.

[9] Pemohon telah bertanya kepada ketua pengawas peperiksaan sama ada pemohon boleh menduduki peperiksaan kertas tersebut. Pemohon telah dibenarkan untuk keluar dewan peperiksaan untuk mendapatkan buku statut CPC yang lain yang boleh digunakan. Pemohon gagal mendapatkan buku CPC yang baru dan mengambil keputusan untuk meneruskan peperiksaan kertas Prosedur Jenayah tanpa buku statut CPC tersebut. Pemohon telah dibenarkan menduduki peperiksaan kertas Prosedur Jenayah.

[10] Pengawas peperiksaan tidak mengambil isu selepas itu dan kemudian mengumumkan calon-calon boleh memulakan menjawab kertas peperiksaan. Pemohon telah menduduki peperiksaan kertas Prosedur Jenayah hingga selesai tanpa buku statut CPC. Pemohon selanjutnya membeli buku statut lain dan meneruskan peperiksaan bagi kertas-kertas lain hingga selesai.

[11] Pada 10 Oktober 2018, pemohon telah menerima surat tunjuk sebab daripada responden yang menyatakan seperti berikut:

(i) responden berpendapat tindakan lanjut perlu diambil terhadap pemohon kerana membawa buku CPC yang pada pendapat responden mengandungi tanda-tanda yang boleh dibaca;

(ii) responden telah melampirkan tiga muka surat CPC tersebut yang mengandungi tanda-tanda pensil;

(iii) responden merujuk kepada peraturan 17(vi) Kaedah Peperiksaan CLP yang melarang penggunaan statut dengan catatan dan nota;

(iv) responden juga merujuk kepada peraturan 14 Kaedah Peperiksaan CLP yang menyatakan responden boleh mengambil sebarang tindakan, termasuk melarang calon daripada menduduki Peperiksaan CLP sekiranya calon didapati meniru, menipu, menerima sebarang material yang dilarang daripada orang lain dalam dewan peperiksaan, berhubung dengan atau menolong pelajar/calon lain atau mengganggu pelajar/calon lain.

[12] Pemohon telah diminta menjawab surat tunjuk sebab pada atau sebelum 24 Oktober 2018 dan memberikan sebab mengapa pemohon tidak patut dilarang daripada mengambil peperiksaan CLP untuk satu tempoh waktu tertentu atau tempoh yang tidak terbatas. Pada masa yang sama responden telah enggan mengeluarkan atau melepaskan keputusan peperiksaan CLP Tahun 2018 bagi kesemua kertas peperiksaan yang telah diduduki oleh pemohon.

[13] Pada 15 Oktober 2018, pemohon telah menjawab surat tunjuk sebab yang dikeluarkan oleh responden. Pemohon menyatakan tanda-tanda pada CPC tersebut tidak boleh dibaca. Buku statut CPC tersebut juga telah dirampas sebelum peperiksaan bermula. Oleh itu, persoalan sama ada pemohon meniru atau menipu tidak timbul. Dalam keadaan demikian, pemohon tidak dan tidak boleh menipu kerana tiada sebarang buku statut CPC dirujuk sepanjang peperiksaan kertas CPC berlangsung.

[14] Responden melalui surat bertarikh 5 Disember 2018 memaklumkan pemohon (eks. "YHK-7" afidavit sokongan pemohon) mengenai keputusan Lembaga Kelayakan Mengenai Laporan Insiden Peperiksaan Utama Sijil Amalan Guaman 2018 ("PSAG"). Berdasarkan laporan insiden peperiksaan dan surat tunjuk sebab yang dikeluarkan oleh responden bertarikh 10 Oktober 2018 terhadap pemohon dan mesyuarat lembaga yang diadakan pada 3 Disember 2018, responden telah memutuskan seperti berikut:

(i) Menahan pemohon daripada menduduki Peperiksaan Sijil Amalan Guaman ("PSAG") selama tiga tahun kerana kesalahan pemohon membawa masuk bahan yang tidak dibenarkan ke dalam dewan peperiksaan pada 23 Julai 2018 semasa peperiksaan Prosedur Jenayah sedang berjalan; dan

(ii) Keputusan pemohon pada PSAG Julai 2018 adalah ditahan.

(iii) Pemohon hanya dibenarkan menduduki PSAG setelah tiga tahun dengan menduduki semula kesemua lima mata pelajaran.

(iv) Pemohon hanya boleh menduduki PSAG semula mulai tahun 2022.

(v) Keputusan responden adalah muktamad.

[15] Pemohon dalam pernyataannya menyatakan keputusan responden tersebut telah mengakibatkan kesan buruk kepada masa hadapan pemohon untuk memulakan pengamalan ('pupillage') sebelum menjadi seorang peguam bela dan peguam cara. Pemohon juga menyatakan beliau telah diperlakukan secara tidak adil dan secara sembarangan oleh responden.

[16] Pemohon tidak berpuas hati dengan keputusan responden tersebut dan memfailkan permohonan semakan kehakiman ini. Pemohon mencabar keputusan responden atas alasan;

(i) Penyalahan undang-undang.

(ii) Tidak rasional, tidak munasabah dan ketidakseimbangan.

(iii) Penyalahgunaan prosedur.

(iv) Jangkaan/harapan sah.

(v) Kegagalan memberi alasan.

[17] Pemohon memohon relief-relief seperti berikut:

(i) Suatu perintah *certiorari* untuk membatalkan keputusan responden bertarikh 5 Disember 2018 bertajuk "Keputusan Lembaga Kelayakan Mengenai Laporan Insiden Peperiksaan Utama Sijil Amalan Guaman" di bawah rujukan No. LKPU.300-1/4(10)/CLP-2017/1504(2) (18-20); dan/atau

(ii) Suatu perintah *mandamus* mengarahkan responden melepaskan keputusan peperiksaan "certificate in legal practice" pemohon yang diduduki oleh pemohon pada bulan Julai 2018.

Undang-undang Mengenai Semakan Kehakiman

[18] Ia adalah menjadi prinsip undang-undang bahawa di dalam prosiding semakan kehakiman di sini, mahkamah perlu menentukan sama ada keputusan responden adalah dicemari dengan percanggahan dengan kesalahan undang-undang ("illegality") dan/atau ketidakmunasabahan ("unreasonableness/irrationality"), ketidakaturan prosedur ("procedural impropriety") dan/atau tidak adil ("disproportionate"), bagi membolehkannya mempunyai asas undang-undang untuk mencampuri keputusan responden tersebut. Semakan kehakiman telah dibincangkan dengan panjang lebarnya di dalam kes *R Rama Chandran v. Industrial Court Malaysia & Anor* [1997] 1 CLJ 147, 171-172, Mahkamah Persekutuan, Edgar Joseph Jr HMP dalam penghakimannya menyatakan seperti berikut:

> In allowing the appeal on the grounds aforesaid, it is self-evident that we had reviewed the award of the Industrial Court for substance as well as process. First of all, I would like to examine the legal basis upon which we had done so, and it is this topic which I shall now address, before I turn to consider the question of whether we have power to grant remedies by way of consequential orders, referred to in the second paragraph of this judgment.
>
> It is often said that judicial review is concerned not with the decision but the decision-making process. (See, e.g. *Chief Constable of North Wales v. Evans* [1982] 1 WLR 1155). This proposition, at full face value, may well convey the impression that the jurisdiction of the Courts in judicial review proceedings is confined to cases where the aggrieved party has not received fair treatment by the authority to which he has been subjected. Put differently, in the words of Lord Diplock in *Council of Civil Service Unions v. Minister for the Civil Service* [1985] AC 374, where the impugned decision is flawed on the ground of **procedural impropriety**.

A

> But, Lord Diplock's other grounds for impugning a decision susceptible to judicial review make it abundantly clear *that such a decision is also open to challenge on grounds of 'illegality' and 'irrationality' and, in practice, this permits the Courts to scrutinise such decisions not only for process, but also for substance*. (Penekanan ditambah)

B **[19]** Prinsip undang-undang yang sama diterima pakai di dalam keputusan kes *Ranjit Kaur S Gopal Singh v. Hotel Excelsior (M) Sdn Bhd* [2010] 8 CLJ 629; [2010] 6 MLJ 1, FC yang menyatakan seperti berikut:

> [15] Historically, judicial review was only concerned with the decision making process where the impugned decision was flawed on the ground
C of procedural impropriety. However over the years, our courts have made inroad this field of administrative law. *Rama Chandran* is the mother of all those cases. The Federal Court in a landmark decision has held that the decision of inferior tribunal may be reviewed on the grounds of 'illegality', 'irrationality' and possibly 'proportionality' which permit the courts to scrutinise the decision not only for process but also for
D substance. It allowed the courts to go into the merits of the matter. Thus, the distinction between review and appeal no longer holds.

[20] Menurut s. 5(e) Legal Profession Act 1976, antara fungsi responden adalah:

E

> (e) To provide courses of instruction for, and for the examination of, persons whose qualifications are not sufficient to make them qualified persons for the purposes of this Act except after undergoing the courses and passing the examination.

[21] Menurut s. 6 Akta yang sama, responden diberi kuasa am dan kuasa untuk membuat peraturan bagi memberi kesan kepada tugas dan fungsi
F responden sebagai Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang ("LKPU"). Dengan kuasa-kuasa yang diberikan di bawah s. 6 tersebut, responden telah membuat satu Peraturan Dan Arahan Peperiksaan Kepada Calon-Calon Peperiksaan Sijil Amalan Guaman 2018, Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang, Malaysia (merujuk kepada eks. YHK-4).

G

Isu Sama Ada Keputusan Responden Bertarikh 5 Disember 2018 Bercanggah Dengan Peraturan Dan Arahan Peperiksaan Yang Telah Dikeluarkan Dan Ditetapkan Oleh Responden Sendiri?

[22] Asas keputusan responden adalah berdasarkan surat tunjuk sebab
H bertarikh 10 Oktober 2018 yang dihantar oleh responden kepada pemohon. Asas keputusan responden adalah dengan merujuk kepada peraturan 17(vi) Peraturan dan Arahan Peperiksaan 2018 memaklumkan pemohon bahawa statut yang dibawa masuk mestilah tidak mengandungi apa-apa catatan atau nota. Responden juga merujuk kepada peraturan 14 PAP 2018 dengan
I menggunakan perkataan "sekiranya tertangkap", calon akan dilaporkan kepada Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang dan calon adalah tertakluk kepada apa-apa keputusan Lembaga menahan calon daripada mengambil PSAG untuk suatu tempoh tertentu atau selama-lamanya.

[23] Peraturan 16 PAP 2018 memperuntukkan perkara-perkara yang boleh dibawa masuk ke dalam dewan peperiksaan iaitu:

Peraturan 16. STATUT YANG DIBENARKAN di bawa masuk ke dalam Dewan Peperiksaan adalah seperti berikut:

NO	MATA PELAJARAN	STATUT
1.	Prosedur Sivil	Rules of Court 2012 atau Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012
2.	Prosedur Jenayah	Criminal Procedure Code [Act 593] atau Kanun Prosedur Jenayah [Akta 593]
3.	Keterangan	Evidence Act 1950 [Act 56] atau Akta Keterangan 1950 [Akta 56]
4.	Amalan Profesional	National Land Code 1965 [Act No. 56 of 1965] atau Kanun Tanah Negara 1965 [Akta No. 56 Tahun 1965]

[24] Mahkamah juga merujuk kepada peraturan 17(vi) PAP 2018 yang menyatakan seperti berikut;

17. Semua calon hendaklah mengambil perhatian kepada peraturan mengenai statut berikut:

(vi) STATUT YANG DIBAWA MASUK MESTILAH TIDAK MENGANDUNGI APA-APA CATATAN ATAU NOTA.

Menurut peraturan 16 PAP 2018, pemohon dibenarkan untuk membawa statut iaitu Criminal Procedure Code ("CPC") kerana pada tarikh kejadian, pemohon akan menduduki peperiksaan kertas Prosedur Jenayah. Pemohon telah menjelaskan bahawa CPC yang dibawa tidak mengandungi sebarang nota kerana tanda-tanda di dalamnya tidak boleh dibaca langsung. Surat tunjuk sebab responden bertarikh 10 Oktober 2018 sendiri menyatakan catatan atau nota tulisan tangan dengan pensil telah dipadamkan tetapi masih boleh dibaca. Responden telah melampirkan sesalinan beberapa helaian muka surat statut CPC seperti di lampiran A (eks. YHK-5). Jika dilihat kepada salinan yang dikemukakan, pernyataan responden mengenai catatan atau nota yang boleh dibaca tidak kelihatan. Pemohon telah pun menyatakan dalam jawapan kepada surat tunjuk sebab bahawa beliau telah memadam nota atau catatan yang dibuat sebelum menduduki peperiksaan dan juga menjelaskan mengapa pemohon berbuat demikian (rujuk eks. "YHK-6" afidavit sokongan pemohon, jawapan surat tunjuk sebab pemohon bertarikh 15 Oktober 2018).

[25] Adalah menjadi tugas pengawas peperiksaan untuk menyemak kesemua statut yang dibawa masuk ke dalam dewan peperiksaan. Ini diperuntukkan di bawah peraturan 18 PAP. Mahkamah merujuk kepada

peraturan 18(ii) yang menyatakan sekiranya berlaku perlanggaran peraturan 17, Pejabat LKPU akan merampas statut yang berkenaan dan statut gantian tidak akan dibekalkan kepada calon.

> Peraturan 18. Kesemua statut yang dibawa masuk ke dalam Dewan Peperiksaan akan disemak oleh Pengawas Peperiksaan untuk memastikan pematuhan:
>
> (ii) peraturan di bawah perenggan 17 dan sekiranya berlaku perlanggaran peraturan tersebut, Pejabat LKPU akan MERAMPAS STATUT YANG BERKENAAN DAN STATUT GANTIAN TIDAK AKAN DIBEKALKAN KEPADA CALON.

[26] Dalam kes pemohon ini, pengawas peperiksaan dikatakan telah merampas statut CPC tersebut sebelum peperiksaan kertas Prosedur Jenayah bermula. Pemohon sebaliknya dibenarkan menduduki peperiksaan dan menjawab kertas soalan Prosedur Jenayah tanpa sebarang rujukan kepada statut berkenaan. Rampasan statut yang dibuat oleh pengawas peperiksaan menunjukkan tindakan perlanggaran di bawah peraturan 17(vi) tersebut telah pun diambil ke atas pemohon dan pemohon dihalang daripada menggunakan statut berkenaan sepanjang peperiksaan berlangsung. Pemohon tidak lagi berhak menggunakan peraturan 16 PAP 2018. Mahkamah merujuk kepada eksh. A-1 afidavit responden yang melampirkan laporan insiden peperiksaan oleh pengawas Kamisah Idris pada 23 Julai 2018 jam 9.15 pagi yang melaporkan seperti berikut:

> 9. Laporan/keterangan ringkas:
>
> Semasa dalam tempoh membaca pada pukul 9.15 pagi saya telah menyemak buku statut calon CLP/2017/2/1504 dan mendapati terdapat kesan catatan/nota/garisan pada statut yang telah dipadam tetapi masih boleh dibaca. Saya telah melaporkan kepada Ketua Pengawas Maimunah Kamaruddin, Buku statut calon telah diambil seperti terlampir.

[27] Responden telah melaksanakan kuasanya menurut peraturan 14 PAP 2018. Mahkamah merujuk kepada peraturan 14 yang menyatakan seperti berikut;

> 14. Semasa menduduki peperiksaan, calon TIDAK DIBENARKAN:
>
> (i) Meniru;
>
> (ii) Menipu;
>
> (iii) Menerima daripada mana-mana orang lain semasa berada dalam Dewan Peperiksaan apa-apa bahan bertulis, bahan bercetak, gambar, buku, nota, kertas, dokumen atau bahan rujukan;
>
> (iv) Berhubung/berkomunikasi dengan, atau memberi/menerima apa-apa bantuan kepada/daripada, mana-mana calon lain; dan
>
> (v) Mengganggu ketenteraman calon lain.

Sekiranya Tertangkap, Tindakan Calon Akan Dilaporkan Oleh Pengawas Peperiksaan Kepada LKPU Dan Calon Adalah Tertakluk Kepada Apa-apa Keputusan LKPU Termasuk Menahan Calon Daripada Mengambil PSAG Untuk Suatu Tempoh Tertentu Atau Selama-lamanya.

Sama Ada Peraturan 14 Terpakai Kepada Peraturan 17(vi)?

[28] Mahkamah ini mendapati terdapat dua perkataan disebut dalam peraturan 17(vi) dan peraturan 14 iaitu:

(i) Peraturan 17(vi) menyebut perkataan "sekiranya berlaku perlanggaran peraturan";

(ii) Peraturan 14 menyebut perkataan "sekiranya tertangkap".

Peraturan 17(vi) telah menetapkan tindakan yang perlu diambil terhadap calon iaitu pihak pejabat LKPU akan merampas statut yang berkenaan dan statut gantian tidak akan dibekalkan kepada calon.

Peraturan 14 memberi kuasa luas kepada responden untuk mengambil sebarang tindakan sekiranya semasa menduduki peperiksaan calon didapati melakukan kesalahan mana-mana satu dari peraturan 14(i) hingga 14(v) sahaja.

Adakah Pemohon Telah Melakukan Mana-Mana Kesalahan Di Bawah Peraturan 14(i) Hingga (v)?

[29] Statut CPC telah dirampas oleh pengawas peperiksaan. Pemohon telah menjawab soalan peperiksaan tanpa merujuk kepada mana-mana statut berkaitan. Fakta ini tidak pernah disangkal oleh responden. Maka unsur-unsur meniru atau menipu tidak wujud sama sekali. Responden di perenggan 20(c) afidavit responden (KM10) mengikrarkan bahawa meskipun catatan dan tulisan tangan telah dipadam tetapi masih boleh dibaca merupakan suatu percubaan yang nyata untuk meniru semasa PSAG dijalankan. Jika sekalipun perbuatan pemohon disifatkan sebagai cubaan meniru, sekali lagi ia tidak diperuntukkan atau dizahirkan dalam mana-mana peraturan 14(i) hingga (v) PAP 2018 tersebut. Responden adalah terikat dengan peraturan dan arahan yang disediakan oleh responden sendiri. Surat tunjuk sebab responden kepada pemohon juga tidak menyatakan bahawa asas surat dan keputusan adalah mengenai kesalahan "percubaan yang nyata untuk meniru".

[30] Mahkamah ini berpendapat kuasa responden yang dinyatakan di bawah peraturan 14 adalah spesifik dan hanya tertakluk kepada mana-mana kesalahan yang ditetapkan di bawah peraturan 14 tersebut sahaja. Peraturan 14 tidak menyebut bahawa ia terpakai bagi mana-mana kesalahan atau perlanggaran di bawah peraturan yang ditetapkan. Peraturan 14 tidak terpakai bagi peraturan 17(vi) melainkan dinyatakan sebaliknya.

[31] Surat tunjuk sebab responden kepada pemohon juga tidak menyatakan bahawa tindakan pemohon membawa statut yang mempunyai catatan atau nota terjumlah kepada mana-mana satu kesalahan di bawah peraturan 14(i) hingga (v). Responden dalam surat tunjuk sebab dengan secara umum menyatakan perenggan 17(vi) dan peraturan 14 tanpa menyatakan apakah kesalahan pemohon di bawah peraturan 14 yang membolehkan responden menjalankan kuasanya sepertimana yang diperuntukkan.

[32] Tindakan responden yang tidak menyatakan apakah kesalahan pemohon di bawah peraturan 14(i) hingga (v) telah menyebabkan ketidakadilan dan prejudis kepada pemohon untuk membela kesnya dengan baik. Surat keputusan responden bertarikh 5 Disember 2018 juga tidak menyatakan apakah kesalahan yang dilakukan oleh pemohon menurut peraturan 14 sehingga menyebabkan pemohon dihukum sedemikian rupa.

[33] Pihak responden berhujah bahawa perbuatan pemohon adalah suatu kesalahan yang serius yang tidak sepatutnya dilakukan oleh seorang bakal pengamal undang-undang. Tindakan perlu diambil oleh responden demi kepentingan awam untuk memastikan integriti PSAG terpelihara. Dalam kes ini kesalahan yang dinyatakan dalam surat tunjuk sebab hanyalah membawa masuk statut yang ada catatan nota pensil yang dikatakan masih boleh dibaca (dipertikaikan oleh pemohon) dan tiada kesalahan lain dinyatakan. Tindakan mengenainya telah pun diambil menurut PAP 2018. Dalam kes ini responden telah mengenakan hukuman yang tiada kaitan dengan perbuatan atau kesalahan yang diperuntukkan dalam PAP 2018. Mahkamah ini berpendapat setiap kes itu perlu dilihat dan dipertimbangkan mengikut faktanya tersendiri.

[34] Mahkamah ini boleh menyemak dan membatalkan keputusan responden jika pada pendapat mahkamah responden telah bertindak di luar bidang kuasanya dan menyalahi undang-undang. Ini dapat dilihat daripada keputusan kes *Ketua Pengarah Buruh v. Britania Brands (Malaysia) Sdn Bhd* [2010] 6 CLJ 370, Mahkamah Rayuan memutuskan:

> [33] It is for these reasons, that a decision of an inferior court or public authority may be quashed by an order of *certiorari* where that court or authority acted without jurisdiction, or exceeded its jurisdiction or failed to comply with the rules of natural justice, or where there is an error of law on the face of the record, or where the decision is unreasonable in the *Wednesbury*'s sense.

[35] Mahkamah ini juga merujuk kepada keputusan kes *Menteri Dalam Negeri & Ors v. Titular Roman Catholic Archbishop of Kuala Lumpur* [2013] 8 CLJ 890 CA (keputusan dikekalkan oleh Mahkamah Persekutuan) memutuskan seperti berikut:

> [69] ... the decision maker must consider matters required to be considered and disregard irrelevant collateral matters and the decision must be within the perimeters of the statutory powers given to the decision maker on the matter. It goes without saying therefore if the decision is made in

compliance with these principles and requirements such decision cannot be said to be unreasonable and is unassailable. But if the exercise of the discretion is made on contravention of any law or that decision maker has taken into consideration irrelevant matters or that the decision maker has acted in excess of powers conferred upon him in respect of the matter which he decided or that decision militates against the object of the statute, then the court can intervene and strike down the decision as unreasonable and unlawful.

Sama Ada Keputusan Atau Hukuman Yang Dibuat Ke Atas Pemohon Berpadanan Atau Setimpal Dengan Kesalahan?

[36] Peraturan 14 PAP 2018 memberi kuasa luas kepada responden untuk tertakluk kepada apa-apa keputusan LKPU termasuk menahan calon daripada mengambil PSAG untuk suatu tempoh tertentu atau selama-lamanya. Meskipun pemohon tidak dinyatakan kesalahan yang dilakukan di bawah mana-mana peraturan 14(i) hingga (v), maka adakah keputusan untuk menahan pemohon dari menduduki PSAG selama tiga tahun dan menahan pelepasan keputusan peperiksaan PSAG 2018 wajar dan munasabah? Pemohon telah pun diambil tindakan di bawah peraturan 18(ii) PAP 2018. Mahkamah ini berpendapat hukuman selanjutnya adalah keterlaluan dan bertentangan dengan peraturan yang ditetapkan oleh responden sendiri. Pemohon juga telah dinafikan haknya untuk merayu bagi apa-apa kesalahan jika dibuktikan sebelum responden membuat keputusannya. Responden membuat keputusan dengan merujuk kepada surat tunjuk sebab daripada pemohon dan laporan pengawas peperiksaan.

[37] Adalah suatu kewajaran bagi responden menyatakan sebab-sebab keputusan dan hukuman dikenakan di bawah PAP 2018. Dalam kes pemohon ini, responden tidak menyatakan sebab-sebab atau alasan-alasan bagi responden mencapai keputusannya. Keputusan responden bukan sahaja menjejaskan kehidupan masa hadapan pemohon tetapi juga bertentangan dengan per. 5 Perlembagaan Persekutuan yang memberi jaminan kebebasan asasi bahawa tiada seseorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang. Jaminan kebebasan asasi ini telah dijelaskan dalam penghakiman Richard Malanjum KH (Sabah & Sarawak) kemudiannya KHN di dalam kes *Yusof Sudin v. Suruhanjaya Perkhidmatan Polis & Anor* [2012] 1 CLJ 448 di ms. 459 iaitu seperti berikut:

[5] Accordingly, observation of procedural fairness that is closely connected to a fundamental right, for instance, the right to life (art. 5(1) as enshrined in our Federal Constitution is of paramount importance. *Indeed right to life has been interpreted to include the right to livelihood. And it has been said that 'income is the foundation of many fundamental rights and when work is the sole source of income, the right to work, becomes as much fundamental' (see: Delhi Transport Corporation v. D.T.C Mazdoor Congress & Ors [1991] Supp 1 SCC 600) and referred to by our Court of Appeal in Tan Tek Seng & Tan Chee*

Meng v. Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan & Anor [1996] 2 CLJ 771. Hence, failure to observe such procedural fairness would tantamount to a breach or aiding a breach of such fundamental rights.

(penekanan ditambah)

[38] Responden juga gagal mengambil kira doktrin perkadaran hukuman (doctrine of proportionality) yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Norizan Bakar v. Panzana Enterprise Sdn Bhd* [2013] 9 CLJ 409 yang memutuskan bahawa hukuman bercorak penindasan (oppressive) dan terlalu keras tidak dibenarkan. Pemohon bukan sahaja telah diambil tindakan di bawah peraturan 18(ii) PAP 2018 tetapi telah dikenakan hukuman tambahan yang bukan sahaja tidak patut dikenakan ke atas pemohon tetapi juga bertentangan dengan kesalahan yang diperuntukkan di bawah PAP 2018. Mahkamah ini mendapati kesalahan yang dipertuduhkan tidak sepadan dengan fakta dan hukuman yang dikenakan.

[39] Mahkamah juga merujuk kepada keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Tan Tek Seng v. Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan & Anor* [1996] 2 CLJ 771, Gopal Sri Ram HMR dalam penghakimannya menyatakan seperti berikut:

In a case like the present, this Court is, for the reasons already given sufficiently empowered to come to its own conclusion on the merits on the case. Taking into account all the relevant facts of the case, including the extenuating factors alluded to by the Maur High Court, I am inclined to agree with the submission of Counsel that the order of dismissal was too severe a punishment to impose upon the appellant. In the peculiar circumstances of this case, some lesser punishment ought to have been imposed. Having come to this conclusion, the next question that arises is: what relief ought the appellant to be given?

The appellant has, as earlier observed, claimed declarations. If he is granted these, they would have the effect of reinstating him to his former post with no loss of pay and other benefits. Now, this Court may certainly direct reinstatement on such terms. But that, in my view, is not the proper remedy in the peculiar circumstances of this case.

The important question is: Can, and ought this Court impose any other appropriate punishment? I think that it can and that it should.

In arriving at my conclusion on the remedy that ought to be given in this case, I have derived much assistance from the judgment of Edgar Joseph Jr J (as he then was) in *Rohana bte Ariffin v. University Sains Malaysia* [1988] 2 CLJ 390 (*supra*), which I have already described as an important decision. In that case, recognition was afforded by His Lordship to the move away from the technicalities of particular remedies and to the achievement of substantial justice. The relevant passage in the judgment of His Lordship is at p. 489 of the report and it reads as follows:

I would, however, in passing, and as a matter of general interest, remark that there are *dicta* in administrative law cases in the UK which indicate that Judges there are beginning to depart from their

traditional preference of dealing with the technicalities of remedies rather than the principles governing official action and individual rights. For example, in a recent immigration case *Bugdaycay v. Secretary of State for the Home Department* [1987] 1 All ER 940, in the House of Lords, Lord Bridge stated that Courts are entitled within limits.

> to submit an administrative decision to a more rigorous examination, to ensure that it is in no way flawed, according to the gravity of the issue which the decision determines. The most fundamental of all human rights is the individual's right to life and when an administrative decision under challenge is said to be one which may put the applicant's life at risk, the basis of the decision must surely call for the most anxious scrutiny.

And Lord Templeman said this:

> Where the result of a flawed decision may imperil life or liberty a special responsibility lies on the Court in the examination of the decision making process.

Kesimpulan

[40] Menimbang permohonan semakan kehakiman pemohon ini, afidavit, hujahan bertulis dan hujahan lisan pihak-pihak, mahkamah ini mendapati responden telah membuat keputusan di luar dari bidang kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang sehingga membuat keputusan yang tidak rasional, tidak munasabah, tidak seimbang, keterlaluan dan tidak adil kepada pemohon. Mahkamah ini wajar membatalkan keputusan yang dibuat oleh responden dan memerintahkan responden melepaskan keputusan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman 2018 kepada pemohon. Mahkamah membenarkan permohonan semakan kehakiman pemohon dengan kos sebanyak RM5,000.